

# Perak negeri keempat mencatatkan pendaratan tertinggi penyu

H/M 10/7/2023 Ms: 11

**Pulau Pangkor:** Kerajaan Negeri Perakewartakan Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Teluk Ketapang sebagai tapak pemuliharaan serta pemeliharaan hidupan marin.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam negeri Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, langkah itu perlu bagi memastikan tiada pembangunan di kawasan itu.

"Kita dalam proses memastikan kawasan ini tertumpu kepada pembiakan dan pendaratan penyu. Kita akan lihat luas kawasan terabit dan mewatakannya agar tiada bangunan dibina di sini," katanya selepas merasmikan pusat itu, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan Wan Muhammad Aznan Abdullah dan Timbalan Pengarah Perikanan Perak Albert Apollo

Chan.

Mohammad Nizar, yang mewakili Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, kerajaan negeri juga memasukkan pusat itu sebagai destinasi yang harus dikunjungi sempena Tahun Melawat Perak pada 2024.

Wan Muhammad Aznan pula berkata, Perak adalah negeri keempat tertinggi yang mencatatkan pendaratan penyu iaitu 61 ekor.

"Negeri yang mendahului ialah Terengganu iaitu 9,632 ekor diikuti Melaka (969), Pahang (368) dan Pulau Pinang (54)," katanya sambil menambah pada 2022, populasi penyu di Malaysia ialah 11,129 ekor berdasarkan jumlah pendaratan dicatat di tujuh negeri termasuk Negeri Sembilan dan Labuan.

Beliau berkata, pada 1989, Perak membina Pusat Kon-



SEBANYAK 100 ekor penyu agar di lepaskan ke habitat asalnya.

servasi dan Penerangan Penyu pertama di Segari yang berfungsi sebagai pusat penyelidikan, penetasan serta pengurusan penyu selain

program publisiti.

"Penubuhan Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Teluk Ketapang ini diharap menarik lebih ba-

nyak kerjasama daripada institut pengajian tinggi tempatan dan luar negara, badan bukan kerajaan, pakar dari dalam serta luar negara

bagi aktiviti penyelidikan serta kajian terhadap penyu," katanya.

Wan Muhammad Aznan berkata, pada 2022, terdapat empat kes pengutipan telur penyu secara haram iaitu tiga di Sabah dan satu di Terengganu.

"Dulu tiada pemantauan menyeluruh, jadi mungkin ada kejadian pengutipan telur penyu secara haram. Pengutip penyu perlu berdaftar dan mendapatkan tauliah menjual semula kepada Jabatan Perikanan. Setakat ini, tiada rekod pengutip telur penyu berdaftar di Pulau Pangkor namun kita mengesyorkan (mereka yang berminat) mendapatkannya (mendaftar) kerana ia percuma.

"Kita benarkan orang ramai melihat penyu tetapi perlu memastikan tiada gangguan seperti lampu dan bunyi kerana hidupan ini sensitif dan ia mengganggu proses penetasan telur," katanya.